

26/09/1998

Penulisan Lee Kuan Yew dianggap sederhana

BUKU The Singapore Story: Memoir of Lee Kuan Yew adalah buku yang menceritakan kisah peribadinya sebagai Perdana Menteri Singapura dari 1959 hingga 1990. Menurut Lee ia juga adalah riwayat mengenai kejadian yang membentuk kehidupannya. Katanya, kejadian itu juga mempengaruhi sejarah Singapura. Oleh itu, buku itu tidak lain dan tidak bukan adalah catatan pandangan dan pengalaman Lee secara peribadi berdasarkan ingatannya dan kenangannya mengenai peristiwa yang pernah dilaluinya. Ia juga berdasarkan sumber rasmi asing yang dirujuknya, di samping diwarnakan oleh tafsirannya terhadap kejadian dan peristiwa itu. Kita boleh bersetuju dan boleh juga tidak bersetuju dengan pandangannya tetapi adalah menjadi haknya menyatakan pendapatnya dan persepsinya terhadap pengalamannya itu.

Almarhum Tunku Abdul Rahman pernah menyumbangkan rencana tulisannya kepada akhbar harian Inggeris tempatan yang kemudian dikumpul menjadi sebuah buku berjudul 'Looking Back'.

Antara kandungan buku Tuanku itu ialah beberapa babak mengenai peristiwa Singapura bergabung dalam Malaysia, isu 'Malaysian Malaysia' ketika Lee dan partinya bergiat dalam politik di negara ini serta pemisahan Singapura daripada Malaysia. Buku itu banyak menceritakan perihal Lee Kuan Yew mengecam dan mengkritik beliau. Tetapi tulisan Tuanku itu adalah persepsi dan pandangannya sendiri terhadap Lee dan adalah haknya untuk menyatakan pendapatnya.

Adalah satu hal yang lumrah bahawa manakala seorang tokoh yang penting seperti Lee dan Tuanku yang terbabit secara langsung dalam peristiwa bersejarah, maka persepsi mereka kontroversi. Untuk adil kepada Lee, setakat yang saya baca petikan-petikan tulisannya itu dalam media kita, tulisannya mengenai peristiwa masa lalu mengenai hubungan Singapura dan Malaysia agak sederhana.

Memang terdapat bahagian yang sensitif dalam tulisannya itu. Umpamanya apabila dia menyatakan Malaysia menggunakan isu pembekalan air kepada Singapura untuk menggugut dan 'membuli' Singapura. Tunku pernah memberitahu Pesuruhjaya Tinggi British bahawa sekiranya selepas berpisah dari Malaysia, Singapura menjalankan dasar-dasar yang menjejaskan kepentingan Malaysia maka Malaysia akan menutup pembekalan air kepada Singapura. Pandangannya bahawa pemimpin Malaysia suka berfoya-foya dan meraih kekayaan, bahawa Umno menghasut orang Melayu Singapura merusuh pada 1964 - semua ini adalah persepsi dan pandangannya sendiri sebagai Perdana Menteri Singapura dalam masa antara 1959-1990.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telahpun mengulas buku itu secara ringkas dengan menolak tanggapan Lee bahawa Malaysia 'membuli' Singapura dan menggunakan isu pembekalan air untuk menekan republik itu. Sebaliknya, kata Dr Mahathir, Singapura yang sebenarnya meraih keuntungan daripada masalah ekonomi Malaysia. Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan rasa membuat kesalnya terhadap tulisan Lee yang mendakwa kononnya Allahyarham bapanya pernah menawarkan tanah seluas 5,000 ekar (2,000 hektar) untuk tanaman getah baka baik kepada Goh Keng Swee untuk diagih-agihkan kepada pemimpin China dan India dengan maksud memujuk hati mereka. Najib berkata, tulisan itu mengenai Allahyarham Tun Razak menyayat hatinya dan keluarga.

Goh Keng Swee adalah bekas menteri kanan Singapura dan tokoh yang turut serta membangun Singapura moden. Dia juga adalah sahabat baik Tun Razak sejak mereka bersama-sama menuntut di London serta bergiat dalam kumpulan

`Malayan Forum' iaitu sebuah pertubuhan pelajar Malaya-Singapura yang agak radikal di Great Britain.

Tun Razak sudah pulang ke rahmatullah dan tentu mustahil untuk kita memintanya mengulas dakwaan Lee itu. Kita hanya dapat merujuk kepada Goh (kalau beliau masih hidup) serta sahabat rapat Tun Razak untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dakwaan Lee itu. Kalau saya tidak silap pegawai tinggi kerajaan yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal tanah Felda pada masa itu ialah Datuk Taib Andak. Anak negeri Johor yang juga sahabat karib Tun Razak. Tetapi Datuk Taib Andak sudah meninggal dunia. Yang demikian adalah sukar untuk mengesahkan sah tidaknya dakwaan Lee itu. Kita hanya dapat menimbangkan kenyataan Lee itu berdasarkan pengetahuan kita mengenai Allahyarham Tun Razak sebagai pemimpin.

Adakah Tun Razak mungkin berbuat seperti yang didakwa oleh Lee berdasarkan pengetahuan kita mengenai Allahyarham sebagai pemimpin. Adakah Tun Razak mungkin berbuat seperti yang didakwa oleh Lee berdasarkan pengetahuan kita mengenai corak kepemimpinan Tun pada masa itu? Sebagai wartawan yang agak rapat hubungan dengan pemimpin negara pada masa itu, saya sangsi dakwaan Lee itu. Demikian juga saya sangsikan dakwaan Lee bahawa Tunku bermaksud menggunakan isu pembekalan air ke Singapura kalau sekiranya dasar luar Singapura menjejaskan kepentingan Malaysia.

Adakah watak Tunku yang murah hati, pengasih dan penuh dengan rasa kemanusiaan akan tergamak berbuat demikian?

Seingat saya mengenai era yang kisahnya dicatatkan oleh Lee dalam bukunya, negara jiran yang mendapat perhatian utama pemimpin Malaysia ialah Indonesia, Thailand dan Filipina. Seingat saya, Singapura kurang mendapat perhatian pemimpin Malaysia jika dibandingkan Indonesia, Thailand atau Filipina. Dengan Indonesia, pemimpin Malaysia amat hati-hati kerana tidak hendak melihat Indonesia dipimpin atau dipengaruhi oleh dasar era Sukarno.

Dengan Thailand, kita berhati-hati kerana sempadan negara itu menjadi sarang pengganas komunis dan kita memerlukan kerjasama Bangkok untuk menangani ancaman itu.

Dengan Filipina, kita menghadapi kerumitan diplomatik akibat tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pada ingatan saya walaupun terdapat masalah dengan Singapura, pada masa itu, Malaysia tidak menganggap masalah itu boleh menjejaskan kepentingan Malaysia dari segi politik, ekonomi dan keselamatan.

Singapura mengendalikan dasar sendiri membentuk negara dan memantapkan kedaulatannya selepas berpisah dari Malaysia. Ia mengiktiraf Israel. Pakar-pakar Israel terbabit membentuk angkatan bersenjata Singapura.

Sebagaimana Israel, setiap remaja Singapura diwajibkan menjalani `national service', hingga pada suatu ketika kita mendengar bisik-bisik, kononnya kalau terjadi peperangan dengan Malaysia, bala tentera Singapura yang gah itu mampu menawan Johor hingga ke Batu Pahat dalam masa 24 jam saja.

Ini sama saja sebagaimana tentera Israel yang begitu mudah pada suatu masa dahulu menakluki Semenanjung Sinai.

Ada saranan meminta supaya buku Lee diharamkan di negara ini. Saya secara peribadi tidak bersetuju dengan saranan itu semata-mata kerana buku itu adalah hasil tulisan seorang tokoh besar yang berjaya membentuk sebuah negara baru yang menjadi jiran kita.

Dan, beliau berhak menyatakan pendapatnya mengenai peristiwa yang pernah dialaminya dan pendapatnya adalah sebahagian daripada bahan sejarah tidak saja untuk Singapura tetapi untuk kita.

(END)